

# PM: KONSEP SEKARANG DAPAT MEMBERI KHIDMAT YANG TERBAIK

**BM** 4/11/1982  
KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran, sesiapa saja yang cuba mewujudkan sistemnya sendiri akan dicap sebagai musuh kerajaan 'bersih, cekap dan amanah'.

Beliau berkata, sistem sekarang adalah yang terbaik dan dapat memberi khidmat terbaik kepada seluruh rakyat.

"Tapi ada sistem jadi rosak kerana tidak betul digunakan, malah mereka mahu satu sistem lain yang memberi keutamaan kepada mereka saja."

"Dan sudah pasti mereka akan bersikap: Apa yang terjadi pada orang lain adalah masalah orang lain," katanya lagi.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-30 di sini, hari ini, Perdana Menteri juga mengarahkan para pemimpin kerajaan dari peringkat menteri hingga ke pegawai supaya mengenalpasti masalah rakyat dengan lebih dekat dan terperinci. Mereka hendaklah

Oleh ZAINUDDIN AYIP

menggunakan akal fikiran serta tenaga bagi mengatasi masalah yang wujud supaya hasrat Kerajaan bersih, cekap dan amanah, tercapai.

"Seseorang itu tidak akan dapat mengenalpasti masalah jika ia sentiasa berada di bilik pejabat, dan mementing kedudukannya sebagai VIP saja," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, apa juga masalah rakyat tidak dapat diselesaikan jika pegawai-pegawai kerajaan mengasingkan diri dari sistem yang dilaksanakan untuk orang ramai.

"Kita mahu sistem yang terbaik yang dapat memberi khidmat terbaik kepada orang-orang kenamaan, tapi rakyat

jelata," kata beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa konsep kerajaan bersih, cekap dan amanah perlu diketahui dengan jelas dan diulang-ulang sehingga menjadi sebahagian dari nilai hidup rakyat negara ini.

Konsep ini dilahirkan menjelang pilihanraya, dan rakyat telah menentukan bahawa mereka mahukan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

"Rakyat mahukan sebaik-baik kerajaan yang dapat melaksanakan dasar-dasar negara dengan tegas dan berani. Rakyat juga mahukan perkhidmatan yang baik, mesra dan segera."

"Ini bermakna, bermula dari menteri hingga ke peringkat pegawai terendah, mereka mesti berusaha melaksanakan segala yang telah dijanjikan," katanya lagi.

Menurut beliau, hasrat untuk menunaikan janji-janji itu hendaklah lahir dari keinginan untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara, bukan kerana mahu dipuji atau mahu mendapat tempat tertentu saja.